

Utusan Malaysia : 1 Julai 2016

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

RAMADHAN MAMPU MEMPERKASA UMMAH

AL-QURAN yang menjadi panduan dan pedoman kepada umat Islam diseluruh dunia diturunkan pada bulan Ramadhan. Turunnya al-Quran merupakan satu-satunya rahmat dan mukjizat yang sebesar-besarnya kepada umat manusia di seluruh alam ini. Allah SWT menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengeluarkan umat manusia daripada kegelapan menuju kepada cahaya Islam sehingga menjadi umat terbaik yang pernah ada dimuka bumi ini.

Setiap ayat-ayat al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang paling mulia. Umat Islam perlu mempelajarinya secara teratur dan berperingkat dari segi tajwid, taranum, nahu, sorof, balaghoh, fasahah, aspek mantik (logik) serta hukum hakam didalamnya.

Al-Quran perlu dipelajari sepanjang masa dan hayat. Struktur pendidikan bagi pemahaman al-Quran tidak hanya tertumpu kepada inisiatif individu, keluarga atau kelompok tertentu yang berminat sahaja.

Kepimpinan negara perlu memberi perhatian bagi merancang dan melaksanakan secara berperingkat yang berteraskan memperkasakan pendidikan al-Quran kepada rakyat. Justeru itu, perlu disediakan silibus pembelajaran yang sistematik dan sumbangsan yang diperlukan.

Program motivasi dan membudayakan bagi menggalakkan pembelajaran al-Quran sepanjang hayat oleh setiap individu dan keluarga perlu diberi tumpuan. Hasil kutipan zakat boleh digunakan sebagai sumber kewangan bagi membiayai program ini.

Di antara keistimewaan al-Quran ialah ia dapat memberi syafaat pada hari kiamat kepada pembacanya, pengkajinya dan yang beramat dengannya.

Di antara keistimewaan al-Quran ialah ia dapat memberi syafaat pada hari kiamat kepada pembacanya, pengkajinya dan yang beramat dengannya. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan Abi Umamah Al Bahimah bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang ertiannya “*Bacalah Al Quran, ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepadanya*” (Hadis Riwayat Muslim).

Adalah amat penting strategi dan tahap pencapaian pemahaman Al Quran dipantau dari aspek penunjuk aras yang ditetapkan pada setiap tahun. Sekiranya penunjuk aras yang ditetapkan tidak tercapai, maka perlu ada penambah baikkan agar usaha untuk membudayakan dan menggalakkan pembelajaran al-Quran sepanjang hayat bukan sahaja di bulan Ramadhan, tetapi juga dibulan-bulan yang lain tercapai.

Ramadhan yang penuh barakah sentiasa dinanti-nantikan oleh setiap umat Islam yang beriman. Bulan mulia ini mewajibkan umat Islam berpuasa seperti yang dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud “*Wahai orang beriman, diwajibkan atas*

kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan keatas orang-orang sebelum kalian agar kamu bertakwa”(Surah Al Baqarah: Ayat 183). Ganjaran amat tinggi seperti sabda Nabi Muhammad SAW bahawa Allah SWT telah berfirman “*Setiap malam amalan manusia adalah untuknya kecuali puasa. Amalan puasa adalah untuk Ku*” (Hadis Riwayat Bukhari).

Suasana Ramadhan dihidupkan dengan pelbagai aktiviti ibadah sama ada yang wajib atau sunat secara individu atau jemaah pada waktu siang dan malam. Di masjid dan surau, setiap malam selepas solat tarawih atau selepas subuh al-Quran dibaca secara berkumpulan atau bertadarus. Secara tidak langsung, al-Quran dapat menyatukan umat Islam dalam kelompok-kelompok yang kecil. Ia menjadi asas kepada penyatuan yang lebih besar.

Maka, Ramadhan telah menyediakan asas untuk kita bersatu. Seterusnya, dapat memastikan tujuan utama ummah seperti pada Maqasid Syariah dalam penjagaan akal, agama, nyawa, keturunan dan harta dapat dipertahankan sepanjang masa demi kesejahteraan Bersama.

Al-Quran dan Hadis telah memastikan tatacara penjagaan kehidupan individu termasuk penjagaan kekeluargaan, aqidah, ideologi dan rohaniah.

Kesatuan ummah yang tidak memperkasakan al-Quran dan Hadis tidak memberi makna kepada ummah. Tanpa kesatuan ummah, al-Quran tidak dapat diperkasakan dan tanpa al-Quran, kesatuan ummah tidak bermakna dan sia-sia. Justeru itu, semua profesional dan usahawan bersama-sama mempelajari dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian.